



## “JoHaRa Tour”

### TERMA-TERMA DAN SYARAT-SYARAT

#### A. TERMA-TERMA ASAS

1.	<b>Penganjur</b>	Astro Radio Sdn Bhd
2.	<b>Stesen Radio</b>	ERA
3.	<b>Nama Peraduan</b>	JoHaRa Tour
4.	<b>Huraian Ringkas Peraduan/ Rancangan</b>	Peraduan ini adalah untuk mencari jaguh “You Gelak, You Out” dan membolehkan peserta memenangi wang tunai jika berjaya mendapat tempat pertama
5.	<b>Mekanisma ringkas Peraduan</b>	a) Anda perlu muat naik video anda beserta “punchline” di Instagram b) Sertakan hash tag #joharatour pada ruangan komen anda. c) Pastikan tetapan aplikasi Instagram anda “Public” dan tidak “Private” d) Sembilan (9) peserta terbaik akan dipilih untuk setiap lokasi acara JoHaRa Tour (Pulau Pinang dan Johor) e) Sembilan (9) peserta ini di setiap lokasi (Pulau Pinang dan Johor) akan berentap bersama JoHaRa Pagi ERA untuk menjadi jaguh You Gelak, You Out” di setiap lokasi (Pulau Pinang dan Johor) f) Satu (1) peserta terbaik di setiap lokasi (Pulau Pinang dan Johor) akan memenangi wang tunai bernilai RM500.00
6.	<b>Kriteria Kelayakan</b>	Peraduan ini dibuka kepada semua warganegara Malaysia yang berumur 18 tahun ke atas pada 20 Aug 2018
7.	<b>Ketidaklayakan</b>	Golongan berikut tidak layak untuk menyertai Peraduan ini: -  a) Pekerja-pekerja/Kontraktor-Kontraktor Penganjur, MEASAT Broadcast Network Systems Sdn Bhd, Astro Malaysia Holdings Berhad, anak syarikat dan syarikat bersekutunya, penaja-penaja, ejen-ejen, peniaga, pedagang atau mana-mana syarikat yang berkaitan dengan Peraduan ini dan suami, isteri, anak-anak, ibu-bapa dan adik-beradik pihak-pihak tersebut;  b) telah memenangi hadiah (atau hadiah-hadiah) yang bernilai RM1000.00 atau kurang daripada pihak Stesen Radio dalam tempoh (30) hari sebelum Peraduan ini;  c) telah memenangi hadiah (atau hadiah-hadiah) yang bernilai RM1001.00 - RM5000.00 daripada pihak Stesen Radio dalam tempoh (90) hari sebelum Peraduan ini;  d) telah memenangi hadiah (atau hadiah-hadiah) yang bernilai RM5001.00 atau lebih daripada pihak Stesen Radio dalam tempoh (365) hari sebelum Peraduan ini.
8.	<b>Umur Kelayakan</b>	Peraduan ini adalah terbuka kepada semua warganegara Malaysia yang berumur 18 tahun ke atas pada 20 Aug 2018
9.	<b>Caj</b>	Tidak berkaitan
10.	<b>Tempoh Peraduan</b>	20 Aug 2018 – 14 September 2018
11.	<b>Bahasa Peraduan</b>	Bahasa Malaysia
12.	<b>Prosedur Penyertaan</b>	Anda perlu muat naik video anda beserta “punchline” di Instagram beserta hash tag #joharatour
13.	<b>Tarikh Tutup Penyertaan</b>	14 September 2018
14.	<b>Cara Penghantaran</b>	Melalui laman sosial media, Instagram beserta hash tag #joharatour

15.	<b>Alamat</b>	Astro Radio Sdn Bhd, All Asia Broadcast Centre, Technology Park Malaysia, Bukit Jalil, 57000 Kuala Lumpur
16.	<b>Pemilihan Pemenang</b>	Peserta yang berjaya mengalahkan peserta lain dalam cabaran “You Gelak, You Out”
17.	<b>Hadiah</b>	Tempat Pertama bernilai wang tunai RM500 di setiap lokasi acara Johara Tour
18.	<b>Pemberitahuan Pemenang Peraduan</b>	Nama pemenang akan diumumkan di lokasi acara selepas peraduan
19.	<b>Tempoh Pengambilan Hadiah</b>	Akan diberitahu oleh pihak penganjur
20.	<b>Tempat Pengambilan Hadiah</b>	Akan diberitahu oleh pihak penganjur
21.	<b>Terma-terma tambahan, jika ada</b>	<p>Seandainya Pemenang memerlukan pengeluaran semula cek untuk Hadiah, RM50.00 akan ditolak daripada nilai Hadiah, melainkan pengeluaran semula itu adalah disebabkan oleh kecuaiian, kesilapan dan/atau kesalahan pihak Penganjur.</p> <p>Seandainya transaksi pemindahan telegraf ke akaun bank Pemenang gagal disebabkan oleh informasi yang dibekalkan oleh Pemenang adalah tidak lengkap dan/atau salah, Penganjur merizabkan haknya untuk menolak RM10.00 daripada nilai Hadiah untuk setiap penghantaran-semula transaksi tersebut.</p> <p>Peraduan melalui aplikasi Instagram Pastikan aplikasi Instagram anda adalah “Public” dan tidak “Private” untuk membolehkan penganjur melihat gambar/video tersebut dan menghantar pesanan kepada anda</p> <p>Keputusan pihak penganjur dan juri adalah muktamad</p>

Terma-terma Asas dan **Terma-terma dan Syarat-syarat Lazim Peraduan** akan mengikat peserta-peserta yang mengambil bahagian dalam Peraduan ini (“**Peserta**”). Definisi-definisi dalam Terma-terma dan Syarat-syarat Lazim Peraduan akan digunakan kecuali dinyatakan sebaliknya dalam Terma-terma Asas. Jika terdapat sebarang ketidakselarasan antara Terma-terma Asas dan Terma-terma dan Syarat-syarat Lazim Peraduan, Terma-terma Asas akan mengatasi setakat ketidakselarasan tersebut.

Kemasukan dan penyertaan di dalam Peraduan ini akan dianggap sebagai penerimaan Terma-terma Asas dan Terma-terma dan Syarat-syarat Lazim Peraduan secara tanpa syarat oleh para Peserta.